

CNS7164

R GB 13-06 00160 BC725

bah

Mahathir - Pemerintahan

KERAJAAN AKAN BERUSAHA KEKALKAN PEMERINTAHAN BN, KATA MAHATHIR

MELAKA, 13 Jun (Bernama) -- Kerajaan akan berusaha mengekalkan pemerintahan Barisan Nasional (BN) yang diterajui oleh UMNO supaya rakyat terus merasa nikmat, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini.

Perdana Menteri berkata beliau yakin rakyat akan terus memilih UMNO dan BN kerana kedua-duanya boleh menunaikan janji dan melaksanakan apa yang dikatakan.

"Saya yakin pemerintahan BN dapat diteruskan. Malahan negara maju dan Bank Dunia mengakui kemajuan yang kita kecapai dan Malaysia dijadikan contoh kerana pentadbiran yang baik," katanya pada majlis jamuan malam sumbangsiah UMNO Negeri di sini.

"Jangan main-main dalam pemilihan pemimpin kerana tersilap pilih boleh menyebabkan orang itu menggunakan kuasa untuk kekal dan yang buruk lagi jika pemimpin itu mahu maju dirinya sendiri dan mahu kaya.

Jika ini berlaku, negara yang kaya boleh hancur disebabkan oleh seorang," kata beliau. -- Lagi

▼13/06/23-58MST

CNS7166

R GB 14-06 00192 BC726

bah

Mahathir - Pemerintahan 2 (akhir) Melaka

Dr Mahathir berkata rakyat harus memilih pemimpin yang mempunyai fikiran dan idea yang baik untuk membangunkan negara. Tanpa pemimpin yang mempunyai fikiran akan meletakkan negara pada tahap miskin.

Katanya, pada masa ini kemajuan yang dibawa oleh UMNO dan BN telah membawa hasil hingga banyak syarikat meraih keuntungan.

Malahan Tenaga Nasional dan Telekom sahaja boleh mencatatkan keuntungan RM1,500 juta setahun sementara beberapa syarikat lain membuat keuntungan RM600 juta setahun.

Beliau berkata, keuntungan yang diraih oleh syarikat-syarikat di negara ini membolehkannya menyumbang bantuan seperti derma bagi mereka yang memerlukan dan ini termasuk UMNO.

Beliau menjelaskan walaupun UMNO menentang politik wang tetapi memungut derma untuk parti tidak boleh disamakan dengan politik wang.

"Yang kita maksudkan politik wang ialah pemimpin UMNO menggunakan wang untuk dirinya sendiri. Tetapi untuk UMNO, parti memerlukan wang.

"Ini kerana bagi mengadakan pilihan raya, kita memerlukan belanja dan juga untuk lain-lain," katanya.

Yang turut hadir ialah Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Ketua Menteri Tan Sri Haji Abdul Rahim Tamby Chik. -- Bernama

ARA PAZ

▼14/06/00-03MST